

Pendapatan Negara Kasar Naik Pada 2013 Tapi Pelaburan Jatuh
Malaysian Insider
May 12, 2014
Oleh Md Izwan

Pendapatan Negara Kasar (GNI) per kapita naik sebanyak AS\$132 (RM427) kepada AS\$10,060 atau RM32,538 pada 2013 selepas pertumbuhan 4.7% positif ekonomi negara tahun lepas hasil program transformasi diperkenal Putrajaya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata pelaburan negara jatuh kepada RM8 bilion pada 2013 berbanding tahun sebelumnya. Pada 2013, Program Transformasi Ekonomi (ETP) hanya berjaya menarik RM8 bilion pelaburan berbanding RM32.1 bilion pada 2012 dan RM179.2 bilion pada 2011.

Pencapaian ini adalah sebahagian hasil ETP pada 2013, salah satu polisi yang diperkenalkan Najib untuk menambahbaik ekonomi Malaysia bagi menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Laporan kementerian-kementerian dalam laporan itu juga menyokong kepada peningkatan pendapatan kerajaan, disokong pelaburan sektor swasta, mengurangkan defisit fiskal dan menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara paling mudah untuk menjalankan perniagaan.

Menurut laporan tersebut, GNI perkapita yang dinilai berdasarkan purata pendapatan individu, meningkat secara seimbang sejak ETP diperkenalkan pada 2010.

Pada 2010, GNI per kapita adalah AS\$8,126 atau RM26,288.

Salah satu matlamat ETP adalah meningkatkan GNI per kapita kepada AS\$15,000 menjelang 2020.

Ia juga mensasarkan untuk mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan dan meraih AS\$444 billion (RM1,436.80 bilion) dalam pelaburan.

"Pada 2013 sahaja, ETP menyumbang RM7.4 bilion kepada PNK, mencipta 29,373 peluang pekerjaan baharu dan memacu pelaburan bernilai RM8 bilion.

"Semua aktiviti ini meningkatkan PNK per kapita negara kepada AS\$10,060 pada 2013," kata Najib dalam laporan yang diedarkan kepada media.

Najib merasmikan Laporan Tahunan Program Transformasi Nasional (NTP) 2013 di Angkasapuri, Kuala Lumpur malam ini.

Dari segi pelaburan, ETP meraih RM219.3 bilion sejak ia dilancarkan. Program tersebut bermula dengan 196 projek dan mencipta 437,816 pekerjaan, menurut laporan tersebut.

Laporan tersebut juga menyebut sebanyak 1.3 juta dicipta di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), seperti industri gas dan minyak, perkhidmatan kewangan, pelancongan, kelapa sawit dan di bawah program Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Dalam ulasan laporan tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Idris Jala berkata, langkah ETP berjaya melonjak pendapatan kerajaan 38.1% sejak 2010 kepada RM220.4 bilion.

"Kita mengambil langkah penting untuk meningkatkan keberkesanan pengutipan cukai dan melebarkan asas cukai.

"Langkah ini penting untuk kita menguruskan program sosio-ekonomi yang disasarkan bagi mempromosikan keterangkuman ekonomi," kata Idris dalam laporan tersebut.

Tumpuan laporan tersebut menggariskan usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal 3% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2015 dan mencapai belanjawan berimbang menjelang 2020. Pada 2013, defisit berjaya dikurangkan kepada 3.9% daripada KDNK berbanding 4.5% pada 2012.

Pada 2014, ia dijangkakan menurun kepada 3.5%.

Idris berkata, penurunan defisit tersebut hasil perbelanjaan berhemah kerajaan, serta melalui pengurangan subsidi dan dengan memperluaskan asas pendapatan kerajaan.

Laporan tersebut juga menyatakan kerajaan berjaya melepasi sasaran dalam mendapatkan lebih banyak pelaburan sektor swasta dalam ekonomi. Pada 2013, pelaburan swasta mencapai RM161.1214 bilion, menjangkau sasaran RM148.4 bilion, peningkatan sebanyak 8.6%.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, sektor pelaburan swasta ketika ini meliputi 60.9% daripada pelaburan dalam ekonomi negara.

Idris kemudian menambah kepenggunaan swasta ketika ini adalah 51.2% daripada KDNK, meningkat 7.6% pada 2013. Pada 2010, ia hanya berkembang pada 6.9%.

"Kejayaan ETP dalam meningkatkan pendapatan rakyat dan mencipta peluang pekerjaan mencerminkan pertumbuhan berterusan dalam kepenggunaan swasta domestik, yang menyaksikannya meliputi 51.2% daripada KDNK." – 12 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pendapatan-kasar-negara-naik-pada-2013-tapi-pelaburan-jatuh>